

11/09/2001

Kerja cari gali gas dipercepatkan

SONGKHLA, Isnin - Thailand memberi jaminan kepada Malaysia bahawa kerja cari gali gas di luar pantai di selatan negara itu, akan dipercepatkan supaya dapat disalurkan melalui paip ke kedua-dua negara, pertengahan tahun depan.

Naib Gabenor Wilayah Songkhla, Yongyuth Sangchandr, berkata kedua-dua negara sudah memulakan kerja pemasangan pelantar gas di kawasan luar pantai negara itu.

"Sebaik saja kami (Thailand) mendapat kelulusan hasil laporan Kesan Alam Sekitar (EIA) kelak, kerja mencari gali akan dimulakan," kata Yongyuthi ketika ditemui di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra turut memberikan jaminan terhadap apa juga masalah atau isu berkaitan dengan projek berkenaan, akan diselesaikan dalam tempoh yang terdekat.

Thaksin dalam rangka lawatan sehari ke Malaysia, Sabtu lalu juga meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mempercepatkan proses pelaksanaan projek cari gali itu.

Projek usaha sama antara kedua-dua negara itu akan memberikan tumpuan untuk mendapatkan gas di dasar laut dan menyalurkannya melalui paip ke Wilayah Songkhla sebelum disalurkan ke Malaysia.

Yongyuth berkata, ketika ini tidak ada masalah besar yang menghalang kerja berkenaan, tetapi hanya membabitkan isu berkaitan alam sekitar yang boleh diselesaikan.

"Projek ini sudah dibincangkan pada 1979 dan kita tidak akan membiarkannya begitu saja disebabkan beberapa masalah," katanya.

Projek Saluran Gas Trans Thai-Malaysia bernilai RM3 bilion itu akan dikendalikan oleh Petronas di Malaysia dan Petroleum Authority of Thailand (PAT).

Ia membabitkan kawasan laut seluas 7,520 kilometer persegi yang dikenali sebagai Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) dan khazanah gas yang dapat diperolehi dalam tempoh 25 tahun akan datang.

Kawasan itu terletak 150 kilometer (km) dari Kota Baru, Kelantan dan 180 km dari Pattani dan akan ditadbirkan oleh Lembaga Bersama Malaysia-Thailand.

Sementara itu, Pengurus Depo Lembaga Petroleum Thailand (PAT), Chaiyan Prabnakorn, berkata pihaknya mempunyai komitmen terhadap usaha sama itu.

(END)